



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PENYERTAAN YB MENTERI SUMBER MANUSIA DAN DELEGASI MALAYSIA KE PERSIDANGAN BURUH ANTARABANGSA SESI KE-112 DI GENEVA, SWITZERLAND BUKTI KOMITMEN KERAJAAN MEMPERKUKUHKAN STANDARD PERBURUHAN NEGARA

1. YB Menteri Sumber Manusia telah mengetuai delegasi Malaysia ke Persidangan Buruh Antarabangsa Sesi (ILC) ke-112 pada 10 hingga 14 Jun 2024 bertempat di Geneva, Switzerland. YB Menteri Sumber Manusia semasa menyampaikan ucapan negara dalam sidang plenari telah menyentuh mengenai keperluan kritikal untuk memperbaharui kontrak sosial bagi menyokong tema persidangan ILC tahun ini
2. 11 Jun 2024 telah menjadi tarikh bersejarah untuk negara apabila YB Menteri Sumber Manusia bersama rakan tripartite iaitu wakil Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) dan wakil Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) telah mendepositkan dokumen ratifikasi Konvensyen *Occupational Safety and Health Convention, 1981* (No. 155) Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organization – ILO*) kepada Ketua Pengarah ILO.
3. YB Menteri Sumber Manusia turut mengambil kesempatan mengadakan pertemuan dengan semua rakan sejawat dari negara ASEAN dalam satu sesi bagi bertukar pendapat serta cadangan untuk mengadakan kerjasama lebih rapat dalam isu perburuhan dan aspek pembangunan kemahiran dalam kalangan negara anggota.
4. Selain itu, YB Menteri Sumber Manusia turut mengadakan pertemuan dua hala dengan rakan sekerja dari Filipina dan Nepal untuk memperkukuhkan hubungan dalam memastikan kebajikan pekerja dari dua-dua negara sumber terpelihara.

5. YB Menteri Sumber Manusia turut menghadiri sesi makan tengah hari di ibu pejabat World Economic Forum dan berbincang mengenai pemeraksanaan kecerdasan buatan (*Artificial intelligence* - AI) dalam pasaran buruh. YB Menteri juga telah bertemu dengan Timbalan Presiden *International Organisation of Employers* (IOE), Setiausaha Agung *International Trade Union Confederation* (ITUC), Setiausaha Agung Uni Global Union serta Setiausaha Agung *International Social Security Association* (ISSA). Sesi pertemuan ini adalah komitmen berterusan Kerajaan dalam meningkatkan dan mengharmonikan hubungan tripartite di peringkat antarabangsa.
6. Penyertaan YB Menteri Sumber Manusia dan delegasi ke Persidangan Buruh Antarabangsa sesi ke-112 membuktikan kesungguhan KESUMA dalam memartabatkan standard perburuhan negara agar selari dengan standard perburuhan antarabangsa.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
14 JUN 2024
